

29 JUN 2003

IPF-BN

IPF AKAN TERUS BERJUANG SEHINGGA DITERIMA MASUK KE DALAM BN

SEREMBAN, 29 Jun (Bernama) -- Presiden Barisan Kemajuan India Semalaysia (IPF), Datuk M.G Pandithan berkata parti itu tidak akan berputus asa dan akan terus berjuang sehingga diterima sebagai parti komponen Barisan Nasional.

Beliau berkata, walaupun sehingga ini parti itu masih tidak diterima masuk ke dalam BN sejak berjuang hampir 15 tahun lepas, namun ia tidak melemahkan semangat semua anggota parti.

"Kita akan terus bersabar dan berjuang. Kita percaya satu hari nanti kita akan diterima juga masuk ke dalam BN," katanya kepada pemberita selepas perasmian Perhimpunan Perwakilan IPF Negeri Sembilan di sini hari ini.

Perasmian perhimpunan itu dilakukan oleh Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad. Turut hadir Pengerusi MCA negeri yang juga Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Hon Choon Kim.

Pandithan berkata, IPF berharap permohonannya menjadi komponen BN akan diterima oleh semua parti komponen yang lain, termasuk MIC.

"Kami merayu agar IPF diterima masuk kerana kami sentiasa memberi sokongan padu kepada BN dan calon BN dalam semua pilihan raya. Kami berharap MIC turut akan menyokong permohonan kami," katanya.

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi juga bersimpati dengan anggota IPF dan meminta mereka terus berjuang tanpa rasa jemu.

"Malah pemimpin BN yang lain juga tahu kami kuat bekerja dan komited dengan BN," katanya.

Justeru itu, beliau sekali lagi meminta supaya "sistem persetujuan" iaitu sesebuah parti politik yang ingin menyertai BN perlu mendapat persetujuan semua parti komponen yang lain sebelum ia diterima masuk tidak diguna pakai kerana sistem itu sudah "outdated".

Beliau berkata, IPF kini mempunyai kekuatan dan anggota yang ramai iaitu hampir 400,000 orang di seluruh negara.

Ditanya mengenai persiapan IPF bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang, Pandithan berkata parti itu sejak awal tahun ini telah menggerakkan jentera pilihan raya di semua peringkat.

Pegawai yang tidak melakukan tugas dengan baik diganti bagi memastikan jentera pilihan raya berjalan lancar.

"Jentera pilihan raya kita sentiasa bersedia sedia menghadapi pilihan raya umum dan kita akan bekerja kuat untuk memastikan kemenangan calon BN," katanya.

--BERNAMA

APG ZB